



سوروهنجاي قرساغيغن برونبي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE COMPETITION COMMISSION BRUNEI DARUSSALAM

Competition Law dialogue with Wet Market Vendors

Date: 17 June 2021

1. A fair competitive market will provide businesses, regardless of scale, with more opportunities to grow. Awareness and compliance of the Competition Order by businesses are instrumental in achieving a fair market which can benefit businesses in the long run and enhance consumer welfare. This was highlighted by the Executive Secretariat of the Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD) in a recent dialogue with vendors from the wet market.
2. The Executive Secretariat of the CCBD commended on the attendance of the vendors and highlighted the importance to create awareness on the Competition Order as vendors in the market are providing essential services to the community.
3. The dialogue session was conducted with the objective to share on the importance and benefits of complying to the Competition Order and the key prohibited conducts currently being enforced, specifically agreements made by two or more businesses to fix price, limit supply, collude tender or divide market. These anti-competitive agreements (ACA) are per se illegal conducts under the Section 11, Competition Order, 2015, which has been enforced since 1 January 2020.
4. Through prohibiting anti-competitive conducts, the objective of the Competition law is to encourage businesses, including the small and medium enterprises (SMEs), to compete fairly by setting price independently, attracting customers by offering quality and innovative goods and services.
5. The session also discussed on the mechanism in detecting cartels. Under Section 44, the Competition Order provides for Leniency Programme, which gives incentive for businesses that partake in a cartel activity to come forward to disclose information about the prohibited conducts and provide full cooperation to the CCBD, in exchange

for up to a full immunity from the penalty. More information on the Competition Order and Leniency Programme is available in the CCBD's website at www.ccbd.gov.bn.

6. The presentation on Competition Order was followed by an interactive discussion covering matters related to business conducts observed in the domestic market and policies to encourage competition in the marketplace.
7. The session is part of the CCBD's core function to promote a competitive business environment in Brunei Darussalam through an effective competition regime. The Executive Secretariat of CCBD can be reached through email at brunei.competition@jpes.gov.bn or call 2233344 extension 230, 341 or 343 for general inquiries and request for briefings on the Competition Order.

Note: To be published with poster on ACA (please see below)

.....



*Executive Secretariat of Competition Commission Brunei Darussalam
Department of Competition and Consumer Affairs
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy*

Competition Commission Brunei Darussalam (CCBD)

By the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Competition Commission of Brunei Darussalam (CCBD) was established on 1 August 2017 as an independent body that is mandated to promote business competition in Brunei's economic landscape through the enforcement of the Competition Order, 2015.

The Department of the Competition and Consumer Affairs in the Department of Economic Planning and Statistics, Ministry of Finance and Economy being the Executive Secretariat to the CCBD is responsible in carrying out Commission's functions such as advocacy, receiving complaints, reviewing markets and conducting investigations.



سوروهنجاي قرسايفغن برونبي دارالسلام
COMPETITION COMMISSION
BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN MEDIA SURUHANJAYA PERSAINGAN BRUNEI DARUSSALAM

Dialog Perintah Persaingan dengan peniaga pasar

Tarikh: 17 Jun 2021

1. Pasaran yang berdaya saing memberi peluang kepada peniaga, tanpa mengira saiz perniagaan, untuk berkembang. Kesedaran dan kepatuhan terhadap Perintah Persaingan adalah sangat penting ke arah mencapai pasaran yang adil yang dapat memberi manfaat kepada para peniaga dalam jangka panjang, dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan pengguna. Perkara ini ditekankan oleh Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) di dalam sesi dialog bersama peniaga pasar, baru-baru ini.
2. Sekretariat Eksekutif kepada CCBD memberi pujian kepada peniaga pasar di atas kehadiran dalam sesi dialog berkenaan. Sekretariat Eksekutif kepada CCBD seterusnya menekankan kepentingan untuk mempunyai kesedaran mengenai Perintah Persaingan, mengambilkira juga peniaga di pasaran menawarkan khidmat yang penting kepada masyarakat.
3. Sesi dialog dilaksanakan dengan objektif utama untuk memberigakan mengenai kepentingan dan manfaat mematuhi Perintah Persaingan, serta larangan-larangan utama yang telah dikuatkuasakan, iaitu larangan terhadap perjanjian di antara dua atau lebih peniaga untuk menetapkan harga, menghadkan bekalan, membuat tawaran secara kolusif, dan membahagikan pasaran. Perjanjian-perjanjian ini adalah dilarang di bawah Bab 11, Perintah Persaingan, 2015, yang mana telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020.
4. Melalui larangan amalan anti-persaingan, Perintah Persaingan dihasrat dapat mencapai objektif bagi menggalakkan peniaga, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), untuk bersaing secara sihat dengan menawarkan harga kompetitif secara bebas, dan memberikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti untuk menarik pelanggan.

5. Sesi berkenaan juga membincangkan mengenai kaedah bagi mengesan Perjanjian Anti-Persaingan (kartel). Di bawah Bab 44, Perintah Persaingan memberi peruntukan bagi Program Kelonggaran, iaitu program yang memberi insentif kepada peniaga yang terlibat di dalam amalan kartel untuk tampil memberi maklumat mengenai amalan yang dilarang tersebut dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD), sebagai pertukaran bagi imuniti daripada penalti. Maklumat lanjut mengenai Perintah Persaingan dan Program Kelonggaran boleh diperolehi di laman sesawang CCBD di www.ccbd.gov.bn.
6. Pembentangan mengenai Perintah Persaingan telah diikuti dengan perbincangan interaktif yang merangkumi hal-hal berkaitan dengan tingkah laku peniaga dalam pasaran domestik dan dasar bagi mempromosi persaingan dalam pasaran.
7. Sesi dialog adalah sebahagian daripada pelaksanaan fungsi utama CCBD untuk mempromosi persekitaran perniagaan yang berdaya saing di Negara Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan perundangan persaingan yang berkesan. Sekretariat Eksekutif kepada CCBD boleh dihubungi melalui emel di brunei.competition@jpes.gov.bn atau melalui talian 2233344 sambungan 230, 341 atau 343 bagi sebarang pertanyaan umum dan permohonan taklimat mengenai Perintah Persaingan.

Nota: Untuk disiarkan bersama *poster* Perjanjian Anti-Persaingan (seperti di bawah)

.....


**PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN
(KARTEL)
DILARANG DI BAWAH
PERINTAH PERSAINGAN 2015**
 Tarikh penguatkuasaan: 1 Januari 2020

Perjanjian yang menghalang, mengganggu atau menyekat persaingan di pasaran



MENETAPKAN HARGA

Perjanjian untuk menetapkan harga barangan atau perkhidmatan tanpa bersaing untuk menawarkan nilai yang terbaik.



MEMBAHAGIKAN PASARAN

Perjanjian untuk membahagikan pasaran mengikut jenis barangan atau perkhidmatan, atau kawasan geografi.



MENGHADKAN BEKALAN

Perjanjian untuk menghadkan kuantiti barangan atau perkhidmatan bagi memalsukan kekurangan bekalan di pasaran.



KOLUSIF TENDER

Perjanjian di antara penender atau vendor yang berpotensi menender untuk menghadkan atau mengurangkan persaingan di dalam proses tender dengan menipu bidaan.

Disediakan oleh
 Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
 Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, JPES, KKE

*Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam
 Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
 Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
 Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam pada 1 Ogos 2017 sebagai sebuah badan bebas yang dimandatkan untuk mempromosi persaingan perniagaan di pasaran ekonomi Brunei Darussalam melalui penguatkuasaan Perintah Persaingan 2015.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Sekretariat Eksekutif kepada Suruhanjaya Persaingan adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi Suruhanjaya Persaingan seperti pemberiagan, menerima aduan, mengkaji pasaran dan menjalankan siasatan.